

19 MAR 1997

TERENGGANU SOKONG BINA LALUAN KERETAPI

KUALA TERENGGANU, 19 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata laluan keretapi yang dicadangkan antara Kuantan dan Kertih patut diteruskan ke sini sebagai kemudahan pengangkutan tambahan kepada penduduk.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri menyambut baik cadangan kerajaan membuat laluan keretapi itu serta akan memberi kerjasama penuh terutama menyediakan tanah bagi tujuan itu.

Katanya kerajaan negeri hanya mampu memberikan tanah sebagai laluan hingga Kertih ataupun Kuala Terengganu.

"Memang ada cadangan untuk menghubungkan Gebeng dan Kertih melalui keretapi bagi memudahkan pengangkutan bahan mentah (untuk kilang-kilang)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Wan Mokhtar berkata lebih baik jika landasan itu disambung terus ke Kuala Lumpur dan Kelantan.

Cadangan pembinaan laluan keretapi antara Kuantan dan Kertih itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Kuantan dua hari lepas. -- BERNAMA

SBJ NMO